

PM yakin isu air akan selesai

21 JUN 2001

PENETAPAN harga air yang menjadi antara isu utama tertangguh antara Malaysia dan Singapura dijangka diselesaikan dalam rundingan dua hala antara kedua-dua negara awal bulan depan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Malaysia juga menjangka hasil menggalakkan dalam perbincangan yang akan merangkumi semua isu tertangguh membabitkan kedua-dua pihak.

"Kita akan membincangkan semua isu. Kita menjangka sesuatu yang baik daripadanya... kita akan mencapai kemajuan.

"Kita mungkin membuat keputusan mengenai harga air," katanya pada sidang akhbar selepas hari pertama Perhimpunan Agung Umno, petang semalam.

Beliau mengulas harapan Malaysia berhubung mesyuarat peringkat pegawai kedua-dua negara di sini bagi merundingkan penyelesaian kepada isu tertangguh itu secara pakej, pada 1 dan 2 Julai ini.

Selain isu air, mesyuarat akan membincangkan mengenai isu pengeluaran caruman Kumpulan Simpanan Wang Pusat (CPF) rakyat Malaysia, tanah milik Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTMB) dan penggunaan ruang udara Malaysia oleh pesawat Singapura.

Bulan lalu, Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong, menyatakan hasrat republik itu menyelesaikan segera isu berkenaan bagi membolehkan kedua-dua negara bekerjasama menanganai masalah serantau.

Sebelum ini, Dr Mahathir menyatakan bahawa Malaysia memang mahu menyelesaikan segera isu tertangguh, tetapi republik itu perlu mempunyai sikap bertolak ansur dan menerima hak serta syarat yang ditetapkan Malaysia.

Ditanya sama ada beliau yakin harga air yang dicadangkan Malaysia akan diterima Singapura, Dr Mahathir berkata:

"Saya berpendapat adalah tidak masuk akal menjual air pada harga tiga sen bagi setiap 1,000 gelen air kerana Hong Kong membeli air dari Tanah Besar China pada harga RM8 bagi setiap 1,000 gelen.

"Jadi itu adalah angka yang kita nak bandingkan," katanya.

Baru-baru ini, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Malaysia sudah menyatakan pendirian serta mengesyorkan formula penyelesaian kepada Singapura, termasuk menerusi surat yang disampaikan Dr Mahathir kepada Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew.

Difahamkan, Malaysia mahu mekanisme yang dapat mengelakkan kontroversi berhubung penetapan harga air.

Bagaimanapun, Goh sebelum ini menyatakan formula itu hanya akan diguna pakai dalam perjanjian baru selepas 2061 bukan dalam perjanjian sekarang.